

# Kementerian Wilayah Persekutuan sasar anak OKU terima latihan kemahiran

**Putrajaya:** Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menasarkan anak daripada kalangan orang kelainan upaya (OKU) menerima latihan kemahiran di Pusat Pemulihian Dalam Komuniti (PPDK) bagi memastikan kebijakan mereka sentiasa dibela.

Menyerahnya, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim, berkata KWP akan memberi perhatian terhadap isu itu supaya golongan terbabit tidak ketinggalan dari segi latihan, pendidikan, pemulihian serta integrasi sosial berbanding individu normal.

Katanya, terdapat sesetengah keluarga yang tidak memahami masalah itu sehingga membiarkan anak-anak OKU di rumah tanpa mendapat latihan di PPDK yang disediakan kerajaan di sebuah komuniti.

"Saya berharap tiada anak-anak OKU yang terpinggir daripada mendapat latihan. Sekiranya ada, boleh menyalurkan maklumat kepada KWP yang mempunyai jentera bagi mengatas masalah ini, termasuk membantu golongan miskin meneruskan kehidupan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Program Semarak Kasih Sempena Hari Wilayah Persekutuan 2022 Bersama Pelajar PPDK yang turut dihadiri Ketua Setiausaha KWP, Datuk Seri Rosida Jaafar dan Naib Presiden Kanan Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Fadlun Mak Ujud, di sini semalam.

Pada program anjuran bersama PPj dan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) itu, Shahidan turut menyampaikan sumbangan peralatan terapi berjumlah RM40,000 kepada empat PPDK. PPj pula menyumbang



Shahidan (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada PPDK Putrajaya Presint 14, semalam.

(Foto BERNAMA)

bauçar beli-belah RM100 kepada setiap pelajar, manakala YWP menyumbang bakul makanan kepada setiap pelajar dan petugas.

PPDK Putrajaya Presint 14, PPDK Sinar@9 Putrajaya Presint 9, PPDK Sindrom Down Presint 11 dan PPDK Permata Hati

Presint 11 yang menerima peralatan terapi itu, menempatkan keseluruhan 136 pelajar.

Sumbangan merangkumi set anatomik, multiactive stones dan Disc 'O' Bocce untuk kegunaan kelas praterapi, pravokasional dan fisioterapi yang berupaya meningkatkan potensi latihan

mereka di PPDK.

PPDK diwujudkan Jabatan Pembangunan OKU, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebagai satu strategi dalam pembangunan komuniti setempat bagi pemulihian, latihan, pendidikan, penyamaan peluang dan integrasi sosial OKU.

Harian Metro 22/2/2022 M/S: 19

lokal

## KWP sasar anak-anak OKU terima latihan kemahiran di PDK

**Putrajaya:** Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menasarkan anak-anak golongan orang kelainan upaya (OKU) menerima latihan kemahiran di pusat Pemulihian Dalam Komuniti (PDK) bagi memastikan kebijakan mereka sentiasa dibela.

Menterinya Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berkata, KWP akan memberi perhatian terhadap isu itu supaya golongan terbabit tidak ketinggalan dari segi latihan, pendidikan, pemulihian serta integrasi sosial berbanding individu normal.

Menurutnya, terdapat sejelintir keluarga yang tidak memahami masalah itu sehingga membiarkan anak-anak OKU terlantar di rumah tanpa mendapat latihan di PDK disediakan di sebuah komuniti.

"Saya berharap tiada golongan anak-anak OKU yang terpinggir dari mendapat latihan. Sekiranya ada, boleh menyalurkan maklumat kepada KWP.

"KWP mempunyai jentera bagi mengatasi masalah ini termasuk membantu golongan miskin menerus-



DR SHAHIDAN

kan kehidupan," katanya pada Program Semarak Kasih Sempena Hari Wilayah Persekutuan 2022 Bersama Pelajar PDK di Presint 14 di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Setiausaha KWP Datuk Seri Rosida Jaafar dan Naib Presiden Kanan Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj) Datuk Fadlun Mak Ujud.

Pada program anjuran bersama PPj dan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) itu, Shahidan turut menyampaikan sumbangan peralatan terapi berjumlah RM40,000 kepada empat pertubuhan PDK.

# Sewa lesen kepada warga asing disenarai hitam

**PETALING JAYA:** Pemegang lesen penjaja dan peniaga yang dikeluarkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) disenarai hitam jika menyalahgunakan peluang itu dengan menyewakannya kepada warga asing.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata, pihaknya juga bertindak tegas dengan tidak membenarkan pemegang lesen penjaja dan peniaga itu membuat permohonan semula kepada DBKL walaupun selepas dikenakan tindakan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, menurutnya, pihak ke-



JALALUDDIN ALIAS

menterian ketika ini menerima banyak laporan tentang isu kebanjiran semula warga asing ter-

utama di Pasar Borong Selayang dan tindakan penguatkuasaan telah diarahkan serta-merta.

Selain itu katanya, ini bagi melindungi peniaga tempatan yang sebelum ini dapat mencari rezeki di pasar-pasar sekitar Kuala Lumpur selepas siri kejayaan membanteras kebanjiran peniaga warga asing.

"Kita akan ambil tindakan menerusi DBKL dan tiada kompromi tentang perkara ini kerana kita peranginya sejak dahulu.

"Bila sudah senyap seketika, kini mereka muncul kembali. Jadi kita akan perhebat lagi penguatkuasaan."

"Untuk operasi selepas ini, saya sendiri akan turun padang. Saya ingin berikan amaran tegas kepada pemegang lesen penjaja dan peniaga DBKL mereka akan disenaraihitamkan," katanya.

Sebelum ini, *Utusan Malaysia* mendedahkan, selepas 'hilang' semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), peniaga warga asing kini dilihat kembali menguasai pasar borong sehingga menjadikan pendapatan peniaga tempatan.

Tinjauan di Pasar Chow Kit kelolaan DBKL juga mendapat, rata-rata gerai yang terdapat di situ dikuasai warga asing.

Dalam pada itu, peniaga warga asing di Pasar Borong Selayang hanya menguasai di bahagian luar pasar itu dan jumlah mereka adalah kecil.

Setiausaha Persatuan Penjaja Peniaga Melayu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PPPM-WPKL) Cawangan Pasar Borong Harian Selayang, Saharudin Dorani berkata, jumlah mereka adalah kecil dan sebahagian besar daripada jumlah itu adalah pekerja.

"Memang ada di dalam tetapi tak menyeluruh, kumpulan itu menjalankan tugas sebagai pekerja," katanya.